SINERGI KKSY

dari UAPP

MELAKAR CERITA, MENJULANG POTENSI

KOLEJ KOMUNITI SELAYANG

KREATIF | DINAMIK | BERINSPIRASI

KANDUNGAN

ms

Dari Meja Pengarah 2

Lensa Pelajar KKSY:

Januari - Disember 2025 3-111

Abjad Pilihan 112

Pena Bicara 113

Tim Penerbitan & Penghargaan 114

SINERGI KKSY dari UAPP hadir sebagai wadah rekod perjalanan pelajar KKSY — daripada program yang dijalankan, pencapaian yang diraih, hingga kisah-kisah yang menggerakkan komuniti. Semoga setiap helaian membuka cerita baharu yang menginspirasi.





DARI MEJA PENGARAH

Dengan penuh kesyukuran, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas penerbitan SINERGI KKSY dari UAPP Edisi 2025, sebuah buletin yang menghimpunkan pelbagai program, pencapaian dan perjalanan para pelajar Kolej Komuniti Selayang sepanjang tahun ini.

Buletin ini bukan sekadar rekod aktiviti, tetapi merupakan citra dedikasi, kreativiti dan semangat kesukarelawanan para pelajar yang sentiasa menjadi nadi kepada kecemerlangan kolej. Setiap program yang dianjurkan — sama ada berskala kecil atau besar — adalah gambaran usaha bersama yang mengangkat nilai keilmuan, sahsiah, kepimpinan dan solidariti komuniti.

Saya amat berbangga dengan komitmen Unit Ambilan & Pembangunan Pelajar serta seluruh pensyarah yang sentiasa berusaha membimbing, menyantuni dan memperkasa pelajar melalui pelbagai inisiatif yang bermakna. Semoga buletin ini menjadi wadah inspirasi, ruang dokumentasi yang bernilai, dan tempat rujukan yang memaparkan perjalanan pelajar yang penuh warna dan potensi.

Kepada semua pelajar, teruslah melangkah dengan yakin. Jadikan setiap pengalaman sebagai ilmu, setiap cabaran sebagai kekuatan, dan setiap kejayaan sebagai permulaan kepada lebih banyak pencapaian.

Akhir kata, semoga SINERGI KKSY dari UAPP Edisi 2025 terus menjadi platform yang memperkukuh budaya kecemerlangan dan membina komuniti kolej yang berdaya saing, berakhlak dan berjiwa besar.

Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Rizal Omar

Pengarah
Kolej Komuniti Selayang

KKSY @ KLFM XTRA
SLOT 34 JE KITA SUKA

3 Januari 2025

Sdr. Syaiful Bazli, Pelajar Sijil Rekabentuk Dalaman & Pn Siti Rohaniza, Pensyarah Sijil Rekabentuk Dalaman berpeluang berkongsi pengalaman di Slot 34 Je Kita Suka KLFM XTra mengenai Cenderamata Berinovasi Teknologi Laser Engraving







PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU : SESI II 2024/2025

8 Januari 2025

Sesi pendaftaran pelajar baharu untuk Sesi II 2024/2025 bagi enam (6) program di Kolej Komuniti Selayang telah berlangsung dengan lancar dan penuh semangat. Minggu ini, para pelajar akan diperkenalkan dengan suasana kampus, tenaga pengajar, serta program-program yang akan mereka tempuhi selama dua tahun.



Tidak ketinggalan, taklimat khas bersama ibu bapa telah diadakan oleh Ts. Jasni Mohd Yusoff, Pengarah Kolej Komuniti Selayang, bersama Ahli Pengurusan KKSY. Taklimat ini bukan sahaja memberikan gambaran menyeluruh tentang KKSY, tetapi juga menegaskan komitmen kolej untuk melahirkan JUARA industri masa depan. Sesi soal jawab turut menjadi platform untuk membina keyakinan ibu bapa bahawa KKSY adalah pilihan terbaik untuk anak-anak mereka.





PERHIMPUNAN PELAJAR & HARI KECEMERLANGAN PELAJAR SESI II 2024/2025

13 Januari 2025

Perhimpunan Pelajar Sesi II 2024/2025 telah berlangsung di Dewan Ibnu Sina, Kolej Komuniti Selayang (KKSY), hari ini bertujuan mempererat hubungan antara pihak pengurusan dan pelajar, sekaligus menjadi platform penyampaian maklumat, nasihat, dan motivasi untuk memperkukuh semangat serta jati diri pelajar.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan penyampaian anugerah dan hadiah kepada pemenang daripada pelbagai pertandingan dan program yang diadakan baru-baru ini, menambah kegembiraan kepada suasana perhimpunan.











BOOTCAMP HATCHQUEST- EMPOWERING STARTUP TALENT

15 Januari 2025

Syabas dan Tahniah diucapkan kepada kumpulan Voltraz yang diketuai oleh Sdr. Furqanul Amjad bin Faridilatras, pelajar program Games Art Technology (DGA) Semester 4 dan Sdr. Muhammad Nuh Irfan Bin Bakhtiar pelajar DGA Semester 2 yang telah berjaya mewakili POLYCC dalam memperkasa bakat startup teknologi POLYCC untuk bersaing bersama Universiti Awam yang lain dengan mempertaruhkan produk terbaru mereka iaitu Rekaverse yang berjaya menambat hati juri untuk terpilih ke pringkat seterusnya.







Pemilihan ini dilaksanakan di program Bootcamp HatchQuest- Empowering Startup Talent yang dianjurkan Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), JPPKK dan inisiatif bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

PERTANDINGAN AKHIR HATCHQUEST EMPOWERING STARTUP TALENT

22 Januari 2025

Pertandingan Akhir Hatchquest Empowering Startup Talent telah berlangsung di UTM Kuala Lumpur. Team Voltraz, dengan produk inovatif mereka *Rekaverse*, mewakili PolyCC dalam persaingan sengit bersama 11 pasukan lain dari pelbagai Universiti Awam Malaysia.



Muhammad Nuh Irfan, pelajar DGA semester 2, mewakili Team Voltraz untuk sesi *pitching* akhir. Semoga berjaya dan membawa kejayaan kepada pasukan serta institusi!

LATIHAN PERSEDIAAN WORLDSKILLS ASEAN PHILIPPINES 2025

16 -21 Januari 2025

Dua pelajar Diploma Games Art Technology (DGA) telah menjalani sesi latihan intensif dari 16 hingga 21 Januari 2025 sebagai persediaan untuk pertandingan saringan pemilihan peserta ke WorldSkills ASEAN Philippines 2025.



Latihan ini dikendalikan oleh tiga alumni DGA berpengalaman dan berlangsung di Game Lab 3, Kolej Komuniti Selayang (KKSY). Sesi ini bertujuan memperkukuh kemahiran pelajar dalam bidang berkaitan.







SINERGI KKSY dari UAPP :Lensa Januari Edisi: 2025

PERTANDINGAN SARINGAN WORLDSKILLS ASEAN PHILIPPINES 2025: BIDANG 3D DIGITAL GAME ART

16-21 Januari 2025

Pertandingan saringan pemilihan peserta bagi WorldSkills ASEAN Philippines 2025 dalam bidang 3D Digital Game Art berlangsung selama 3 hari untuk mencari bakat terbaik negara dan Kolej Komuniti Selayang telah menghantar dua orang pelajar daripada program Diploma Games Art Technology.

Pertandingan ini bertujuan memilih wakil Malaysia yang akan bersaing di peringkat serantau pada tahun 2025 dan saringan ini menjadi platform penting untuk mengasah kemahiran peserta dalam seni permainan digital, sekaligus memperkukuh potensi tenaga kerja mahir dalam industri kreatif negara.











PITCHING INKUBATOR DGA: VOLTRAZ STUDIO & PROJEK INOVASI REKAVERSE

23 Januari 2025



Sesi Pitching Idea Voltraz Studio, inkubator Diploma Games Art Technology (DGA) bersama En. Nashrul Naim daripada syarikat Arraubi Games bertujuan membincangkan projek inovasi Rekaverse, hasil kreativiti pelajar DGA.

Arraubi Games merupakan salah satu daripada 9 syarikat mentor dalam program Work-Based Learning (WBL) DGA yang memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar ke arah pembangunan kemahiran dan inovasi industri kreatif DGA.



KEMPEN PILIHAN RAYA KAMPUS KKSY 2025

4 Februari 2025

Seramai 14 calon yang bertanding dalam Pilihanraya Kampus KKSY 2025.
Inilah masa anda memilih wakil terbaik bagi memperjuangkan suara pelajar.



"SUARA ANDA, MASA DEPAN KITA"

PILIHAN RAYA KAMPUS KKSY 2025

4 Februari 2025

Pilihan Raya Kampus KKSY 2025 yang telah berlangsung di Dewan Pameran KKSY melibatkan 400 pelajar dalam menentukan barisan kepimpinan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) 2025.









Inilah masa untuk para pelajar memahami proses demokrasi kampus, dari penamaan calon, hari pengundian, hingga pengumuman keputusan.

Tahniah buat semua pelajar yang telah turun mengundi. Nantikan siapa yang akan memegang tampuk pimpinan JPP 2025 hasil daripada undian para pelajar.















KEPUTUSAN PILIHAN RAYA KAMPUS JPP KKSY 2025

6 Februari 2025



Pilihan telah dibuat! Tahniah kepada calon-calon yang berjaya dalam Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Kolej Komuniti Selayang bagi sesi 2025!

Terima kasih kepada semua pelajar yang telah menjalankan tanggungjawab mengundi. Bersama-sama, kita membina kepimpinan mahasiswa yang lebih mantap!

MQA EDUCATION FAIR

8 Februaui 2025

Pelajar Kolej Komuniti Selayang (KKSY) tidak melepaskan peluang menghadiri MQA Education Fair, sebuah pameran pendidikan yang menghimpunkan pelbagai institusi tinggi dan program yang diiktiraf.

Mereka berpeluang mendapatkan maklumat terkini tentang laluan pendidikan, biasiswa, serta peluang kerjaya yang sesuai dengan minat dan impian masing-masing.



PROGRAM KUDAH: KUTIP SAMPAH SAMBIL RIADAH

10 Februaui 2025

Warga KKSY tidak melepaskan peluang menyertai Program KUDAH: Kutip Sampah Sambil Riadah anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama komuniti setempat di Kajang.









Program KUDAH ini dipimpin oleh Ketua Setiausaha KPT, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang yang ini melibatkan beberapa institusi lain POLYCC.





PERTANDINGAN INTERNATIONAL YOUNG MODEST FASHION DESIGNER FEST V3 2025

14-16 Februaui 2025

Sesi Flag Off 2 orang pelajar daripada program Sijil Fesyen dan Pakaian akan menyertai Pertandingan International Young Modest Fashion Designer Fest V3 2025 yang berlangsung di Mahsuri International Exhibition Centre, Langkawi pada 14 dan 15 Februari 2025 akan datang.



Pertandingan ini turut disertai oleh 17 PolyCC yang lain dan daripada pelbagai institusi luar negara seperti Indonesia, Vietnam, Brunei dan Filipina.



INTERNATIONAL YOUNG MODEST FASHION DESIGNER FEST V3

14-16 Februaui 2025

Kolej Komuniti Selayang merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada dua pelajar Program Sijil Fesyen dan Pakaian,

1. Mastura Binti Mohammed Effendi
2. Elyna Nazuha Binti Mohd Nazeri,

atas pemilihan mereka sebagai peserta dalam International Young Modest Fashion Designer Fest V3.

















Penyertaan ini membuka peluang kepada pelajar untuk memperluas pengalaman industri, menonjolkan kreativiti, serta meningkatkan kompetensi profesional dalam bidang fesyen modest di peringkat antarabangsa.

Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada pelajar lain dan mengharumkan nama Kolej Komuniti Selayang.

TAKLIMAT ADOBE CERTIFIED PROFESSIONAL (ACP) & MICROSOFT OFFICE SPECIALIST (MOS) CHAMPIONSHIP: INSPIRASI & PELUANG BARU

12 Februaui 2025

Semua pelajar semester 1 berpeluang menghadiri taklimat ACP & MOS untuk lebih memahami peluang pensijilan global dan bagaimana kedua-dua pensijilan ini dapat meningkatkan kemahiran kreatif dan kebolehpasaran para pelajar.





Sebelum ini, KKSY telah menghantar seorang pelajar untuk menyertai pertandingan peringkat global dan memberi pendedahan yang luas buat pelajar tersebut untuk mengasah kemahiran dalam ACP & MOS.

THE APPRENTICE : KARNIVAL TVET POLYCC 2025

13 Februaui 2025

KKSY terlibat dengan The Apprentice (Keusahawanan) di Karnival TVET POLYCC 2025.





KKSY menyediakan cenderahati berasaskan Laser Cutting @ Printing dan juga Kraftangan.

THE APPRENTICE : POLYCC PRODUCT CHALLENGE

14-15 Februaui 2025

Pelajar Kolej Komuniti Selayang berjaya mengharumkan nama institusi apabila meraih Anugerah Emas dalam program The Apprentice: PolyCC Product Challenge peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 14 hingga 15 Februari 2025 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi. Kejayaan ini mencerminkan tahap kreativiti, inovasi serta semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam menghasilkan produk berdaya saing di peringkat nasional.









Barisan pelajar yang terlibat ialah:
(1) Nur Nabihah Binti Mohd Fudzi (B05DGA23F028),
(2) Muhammad Adib Amsyar Bin Mustafa (B05DGA24F011)
(3) Anisa Adinda Binti Muhamad (B05SRD24F024).

E-SPORTS : KARNIVAL TVET POLYCC 2025

14-16 Februari 2025

Kolej Komuniti Selayang dengan penuh penghargaan merakamkan tahniah kepada Furqanul Amjad Bin Faridilatras dari Diploma Games Art (Voltraz Studio) yang telah menerima Anugerah Khas Promising Business 2024 di The Mahsuri International Exhibition Centre, Langkawi, dalam pertandingan peringkat Individu Kebangsaan.

Pengiktirafan ini diberikan atas pencapaian cemerlang beliau dalam bidang keusahawanan kreatif dan pengurusan perniagaan melalui Voltraz Studio, sekali gus membuktikan kemampuan pelajar untuk bersaing di peringkat industri dan nasional.









E-SPORTS : KARNIVAL TVET POLYCC 2025

14-16 Februaui 2025

Sesi Flag Off 2 kumpulan daripada KKSY untuk menyertai pertandingan e-sports sempena Karnival TVET POLYCC 2025 yang akan berlangsung di Langkawi, Kedah pada 14-16 Februari ini.





2 kumpulan ini diwakili oleh 5 pelajar daripada program Diploma Games Art Technology, 4 orang pelajar daripada Sijil Rekabentuk Dalaman dan seorang daripada program Sijil Kulinari.

E-SPORTS : TEAM HUMBLE ODYSSEY

14-16 Februaui 2025

Pelajar KKSY menyertai pertandingan e-sports sempena Karnival TVET POLYCC 2025 yang akan berlangsung di Langkawi, Kedah bermula hari ini hingga 16 Februari 2025.



Pelajar tersebut terdiri daripada:

1. Muhammad Taufik Bin Shahril - Sijil Rekabentuk Dalaman
2. Affnan Zhafran Bin Norman - Sijil Rekabentuk Dalaman
3. Meor Hasbi Haziq Bin Meor Sallehuddin - Sijil Rekabentuk Dalaman
4. Muhammad Hamka Bin Syofnel - Sijil Rekabentuk Dalaman
5. Syah Alliasya Bin Abdullah - Sijil Kulinari

E – SPORTS : TEAM SHINIGAMI

14-16 Februaui 2025

Pelajar KKSY menyertai pertandingan e-sports sempena Karnival TVET POLYCC 2025 yang akan berlangsung di Langkawi, Kedah bermula hari ini hingga 16 Februari 2025.



Pelajar tersebut terdiri daripada:

1. Mohd Dzhareef Ubaid Bin Mohd Shaharuddin - Diploma Games Art
2. Muhammad Fared Haikal Muhamad Jiwa - Diploma Games Art
3. Azim Ar-Razi Bin Mohd Naharudin - Diploma Games Art
4. Muhammad Adam Mikhail Bin Shaharul - Diploma Games Art
5. Noor Asyraf Izzuddin Bin Shariman Shah - Diploma Games Art

SINERGI KKSY dari UAPP :Lensa Februari Edisi: 2025

BENGKEL PEMILIHAN YANG DIPERTUA JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI NEGERI SELANGOR 2025

19 Februaui 2025

Seramai 20 pemimpin pelajar dari Kolej Komuniti seluruh Selangor telah berkumpul di Kolej Komuniti Selayang untuk melalui satu pengalaman yang mencabar dan bermakna dalam Bengkel Pemilihan Yang Dipertua (YDP) Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP).















Dengan sokongan 10 pensyarah, 10 urusetia JPP KKSY, serta 2 juri daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, proses pemilihan berjalan secara profesional dan telus dan kehadiran 100% ini menunjukkan komitmen tinggi semua peserta!

Dengan penjurian telus dari panel berkecuali, Syed Nazmi dari KKSY dinobatkan sebagai YDP JPP Negeri Selangor. Semoga Syed Nazmi dan barisan kepimpinan JPP Negeri Selangor terus cemerlang dalam menggalas amanah dan membawa suara pelajar ke tahap lebih tinggi!

BORAK TENGAH LAPAR : MASUK U 2025

24 Februaui 2025

Lebih 50 pelajar program Operasi Perhotelan & Pastri terlibat dengan sesi rakaman sembang santai Borak Tengah Lapar Masuk U 2025 di Inspired Kitchen bersama Ustaz Hassan Adli, Nizam Jentik Jentik & DJ Putera Azwan yang akan disiarkan sewaktu bulan Ramadan nanti.











LAWATAN SAMBIL BELAJAR : LEMBAGA KOKO MALAYSIA

28 Februaui 2025

Pelajar semester 3 program Kulinari berpeluang merasai sendiri perjalanan koko dari ladang hingga menjadi coklat bagi keperluan kelas 'Basic Chocolate & Sugar Confectionery'



















Di Lembaga Koko Malaysia, para pelajar belajar tentang proses pemprosesan koko, teknik pembuatan coklat, dan inovasi dalam dunia konfeksioneri. Bukan setakat teori, tapi mereka juga dapat melihat sendiri bagaimana coklat dihasilkan.

PEMIMPIN MUDA, ASPIRASI BAHARU!

28 Februaui 2025

Tahniah kepada barisan kepimpinan baharu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, PRISS, dan Pengerusi Kelab bagi tahun 2025.



Semoga amanah yang dipikul menjadi pemangkin kejayaan dan inspirasi kepada rakan-rakan.













KURSUS ASAS PERTAHANAN AWAM (PISPA) SIRI 1/2025

8 - 9 Mac 2025

Kursus Asas Pertahanan Awam (PISPA) Siri 1/2025 bagi para pelajar dan pensyarah KKSY telah berlangsung 8 dan 9 Mac yang lepas. Pelbagai ilmu yang diperolehi dari kursus ini seperti kursus menyelamat, ikatan, memadam kebakaran dan banyak lagi.

Latihan ini sedikit sebanyak membantu para pelajar untuk mengetahui kursus asas dalam menyelamat.





WORK BASED LEARNING

11 Mac 2025









Pemantauan Work Based Learning bagi pelajar Diploma Games Art Technology di Syarikat Nimbus Games di mana organisasi ini menghasilkan banyak permainan 3 Dimensi (3D)



AGIHAN PEK BERBUKA PUASA : YAYASAN TZA

12 Mac 2025



YM Tengku Dato' Zarina binti Tengku Ibrahim, Pemegang Amanah Yayasan TZA bersama Ts. Jasni Mohd Yusoff, Pengarah KKSY, menyantuni para pelajar dengan agihan pek berbuka puasa sumbangan daripada Yayasan TZA, hari ini.









SEMARAK RAMADAN @ KKSY 2025

21 Mac 2025

Suasana Ramadan di KKSY penuh makna dengan gotong-royong memasak bubur lambuk, Khatam Al-Quran, ceramah Nuzul Al-Quran, penyerahan watikah Rakan Belia YADIM, sumbangan kepada komuniti dan majlis berbuka puasa bersama-sama.





















Sebanyak 1,500 bekas bubur lambuk diedarkan dan 150 kotak sumbangan diagihkan. Terima kasih kepada semua yang menjayakan!

QURAN HOUR 2025: WARGA KKSY BERSATU HATI DENGAN AL-QURAN

25 Mac 2025

Sempena hari-hariterakhir Ramadan, lebih 40 orang pelajar dan pensyarah Kolej Komuniti Selayang (KKSY) menyemarakkan semangat cinta Al-Quran melalui Quran Hour 2025.

Dengan tema "MengQURANkan Bangsa, MengIKHLASkan Ummah", warga KKSY menghayati Surah Al-Saff yang menekankan kepentingan kesatuan dalam memperjuangkan kebenaran. Bacaan Al-Quran secara berjemaah di Perpustakaan KKSY menghidupkan suasana penuh ketenangan dan keberkatan.

Program ini juga diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang yang menyertai Kuiz Ihya Ramadhan 2025 oleh Ts. Jasni Mohd Yusoff, Pengarah KKSY.

Terima kasih kepada semua yang menyertai dan menjayakan program ini. Moga Al-Quran terus menjadi pedoman dalam kehidupan kita.









SELANGOR POLYCC ESPORT CHALLENGE

16 April 2025

Selangor POLYCC Esport Challenge sempena Program Gagasan Rumpun Selangor telah dianjurkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dengan kerjasama Kolej Komuniti Selayang dan XR Club KKSY pada 16 April 2025 di Dewan Ibnu Sina, KKSY.





Pertandingan Mobile Legends: Bang Bang ini melibatkan penyertaan 3 Politeknik dan 6 Kolej Komuniti Zon Selangor & Wilayah Persekutuab dengan penyertaan seramai 60 orang, termasuk pemain esports kolej dan politeknik yang juga ada antaranya pemain profesional.

Pasukan B4L daripada PSIS muncul sebagai juara, diikuti GADZ, KKHL tempat kedua, HUMBLE ODYSSEY, KKSY tempat ketiga dan PBS X MADFOX di tempat keempat.





Selain itu, pelajar KKSY juga telah menyertai beberapa pertandingan luar dan berjaya ditempat pertama, tempat ketiga, keempat dan kelapan dalam tournament yg berbeza.

LEBARAN KASIH 2025 : AIDILFITRI @ KKSY

18 April 2025

Suasana penuh kemesraan dan keceriaan mewarnai Majlis Lebaran Kasih 2025 anjuran Kolej Komuniti Selayang yang berlangsung dengan jayanya baru-baru ini. Program tahunan ini menghimpunkan seluruh warga kerja dan pelajar dalam satu pertemuan mesra sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri

Lebih bermakna, majlis ini turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, YB Puan Anfaal Binti Saari, Adun N15 Taman Templer, Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti, agensi-agensi kerajaan, swasta, dan rakan strategik yang turut bersama meraikan Syawal dalam semangat muhibah.

Majlis ini bukan sahaja menjadi platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kolej dan komuniti, tetapi juga menyemai semangat perpaduan serta menghargai jasa dan sumbangan pelbagai pihak terhadap pembangunan pendidikan setempat.



LAWATAN PENANDA ARAS : KOLEJ KOMUNITI KEPALA BATAS KE KKSY

21 April 2025

Unit Ambilan & Pembangunan Pelajar (UAPP) bersama Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Kolej Komuniti Kepala Batas telah mengadakan lawatan penanda aras ke KKSY hari ini.





Lawatan yang melibatkan 13 orang peserta terdiri daripada pelajar dan pegawai pengiring ini bertujuan memperkasa kefahaman berkaitan amalan terbaik pengurusan kelab, persatuan serta pentadbiran JPP di KKSY.



Antara objektif utama lawatan:

1. Meningkatkan pemahaman tentang sistem dan aktiviti kelab serta persatuan.
2. Menjalinkan jaringan profesional antara kedua-dua institusi pendidikan.
3. Memberi ruang inspirasi kepada pelajar melalui perkongsian pengalaman dan idea.



EXPERIENTIAL LEARNING: TABLE D'HÔTE SERVICE

22 April 2025

Pelajar Sijil Operasi Perhotelan Semester 1 berpeluang merasai pengalaman servis restoran sebenar menerusi program Table D'hote Service di Saffron Restaurant, MSU Shah Alam, hari ini.







Mereka telah didedahkan dengan Teknik 'Servis American' untuk hidangan set menu - siap dengan plating cantik dan atur servis yang teratur.

Bukan sekadar belajar teori, tapi 'hands-on' terus di restoran eksklusif! Semoga pengalaman ini menjadi pembakar semangat untuk terus melangkah jauh dalam dunia hospitaliti.







Peluang seperti ini memang terbaik untuk mengasah kemahiran, belajar etika kerja dan rasa sendiri suasana sebenar dalam industri F&B.

JOM MASUK U - XPLORPOLYCC 2025

10 - 11 Mei 2025

Program Jom Masuk U telah dianjurkan bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar sekolah menengah mengenai peluang melanjutkan pengajian ke Kolej Komuniti. Melalui program ini, pelajar diperkenalkan dengan pelbagai pilihan sijil yang ditawarkan seperti Digital Games Art, Pastri, Kulinari, Reka Bentuk dan Fesyen, sekali gus membuka perspektif baharu tentang laluan pendidikan berasaskan kemahiran.



Selain sesi penerangan, pelajar Kolej Komuniti turut berperanan aktif membantu promosi dengan berkongsi pengalaman pembelajaran serta mempamerkan kemahiran dan hasil kerja yang bakal dipelajari oleh pelajar yang hadir.









Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar sekolah tentang kursus yang ditawarkan, malah memberi gambaran jelas mengenai suasana pembelajaran dan prospek masa depan dalam bidang kemahiran.

KEM KEPIMPINAN RAKAN BELIA YADIM (RBY) ZON TENGAH SIRI 2/2025

12 Mei 2025

Seramai 25 orang pelajar Rakan Belia YADIM Kolej Komuniti Selayang telah menyertai Kem Kepimpinan RBY Zon Tengah Siri 2/2025 yang berlangsung selama tiga hari bermula 9 Mei di INDAH, Hulu Langat.





Program ini memberi pendedahan kepada aspek kepimpinan Gen Z, pengurusan organisasi dan kepimpinan Madani melalui pelbagai aktiviti interaktif.

Peserta turut didedahkan dengan sesi pembinaan semangat berkumpulan, eksplorasi alam dan pengukuhan penyelesaian masalah.





Bimbingan disampaikan oleh barisan pegawai YADIM yang berpengalaman. Semoga peserta dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh dalam kehidupan seharian.

HARI BELIA NEGARA 2025

15 Mei 2025

Sempena Hari Belia Negara 2025, pelajar Kolej Komuniti Selayang terlibat dengan Bacaan Ikrar Belia Malaysia secara serentak pada 15 Mei 2025, jam 10.00 pagi.

Detik ini bukan sekadar laungan ikrar – tapi bukti semangat anak muda untuk terus menyumbang demi masa depan negara yang lebih gemilang.



















KKSY @ LIMA 2025
POLYCC ESPORT CHALLENGE

18-26 Mei 2025

Seramai 21 pelajar Kolej Komuniti Selayang menyertai Industry Expert Enrichment Programme (IEEP) di Langkawi dari 18–26 Mei 2025 sempena LIMA 2025, bersama 141 pelajar lain dari 19 institusi POLYCC.









Mereka diberi peluang menjalani latihan industri di hotel bertaraf antarabangsa seperti The St. Regis dan The Ritz-Carlton, bagi meningkatkan kemahiran teknikal, kepimpinan dan kerja berpasukan.

Program ini memperkukuh kerjasama dengan industri serta membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pendedahan kepada dunia kerja sebenar.





KKSY @ WHI : LIVE COOKING DEMO PAI ASAM PEDAS AYAM

20 Mei 2025

Program Kulinari Kolej Komuniti Selayang telah menyertai Live Cooking Demo "Pai Asam Pedas Ayam" dalam rancangan Wanita Hari Ini (WHI) di studio Media Prima, Bangsar.





Dua pensyarah dan tiga pelajar terlibat mempersembahkan resipi inovatif yang menggabungkan asam pedas ayam tradisional dengan pai moden yang rangup dan berlemak, menarik perhatian penonton dengan aroma dan rasa unik.

Demonstrasi ini menonjolkan teknik memasak, bahan segar, dan penyajian kreatif, sekali gus memartabatkan masakan warisan serta memperlihatkan daya cipta kulinari generasi muda.



KKSY@ CHEF ZAHA BUTCHER

21 Mei 2025

Seramai 15 pelajar dari Program Kulinari dan Khas Kulinari KKSY telah menyertai Kursus Butchery Training (Chicken) bersama Chef Zaha Butcher di Dapur Latihan 2.





Pelajar didedahkan secara praktikal kepada teknik asas penggunaan pisau hingga kaedah memotong ayam dengan kemas dan cekap.





Kursus ini menjadi platform penting untuk pelajar menguasai kemahiran baru yang relevan dalam industri kulinari.



SELANGOR POLYCC ESPORT CHALLENGE

16 Mei 2025

Selangor POLYCC Esport Challenge sempena Program Gagasan Rumpun Selangor telah dianjurkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dengan kerjasama Kolej Komuniti Selayang dan XR Club KKSY pada 16 April 2025 di Dewan Ibnu Sina, KKSY.





Pertandingan Mobile Legends: Bang Bang ini melibatkan penyertaan 3 Politeknik dan 6 Kolej Komuniti Zon Selangor & Wilayah Persekutuab dengan penyertaan seramai 60 orang, termasuk pemain esports kolej dan politeknik yang juga ada antaranya pemain profesional.



Pasukan B4L daripada PSIS muncul sebagai juara, diikuti GADZ, KKHL tempat kedua, HUMBLE ODYSSEY, KKSY tempat ketiga dan PBS X MADFOX di tempat keempat.



Selain itu, pelajar KKSY juga telah menyertai beberapa pertandingan luar dan berjaya ditempat pertama, tempat ketiga, keempat dan kelapan dalam tournament yg berbeza.

CHOCOLATE FANTASY FASHION RUNWAY CHALLENGE 2025

16 Mei 2025

Pelajar Inkubator Sijil Fesyen dan Pakaian (SFP), Nur Fatin Fatinah, berjaya meraih tempat ketiga dalam Chocolate Fantasy Fashion Runway Challenge 2025 anjuran MAEFD.



Rekaannya menonjol melalui gabungan inovasi bentuk, bahan lestari, serta elemen budaya dan ekspresi kontemporari, sekali gus mengharumkan nama institusi di peringkat nasional.





Bertemakan "Choconeo Culture", pertandingan berprestij ini berlangsung di SICC sempena Malaysian International Cocoa Fair (MICF) pada 24 Mei 2025.

ANUGERAH KADET TERBAIK (MALCIDAC) 2025

19 Jun 2025

TAHNIAH diucapkan kepada Nur Farah Ananda Binti Ismail, pelajar Sijil Operasi Perhotelan, Kolej Komuniti Selayang (KKSY) di atas penganugerahan sebagai Kadet Terbaik dalam program 1st POLYCC - Malaysia Civil Defence Annual Camp and Commisioning (MalCiDAC) 2025.





Program anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) ini telah menghimpunkan seramai 320 Pegawai Kadet Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) di Dewan Mualim Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Behrang, Perak

ANUGERAH KHAS : KOLEJ KOMUNITI TERBAIK

16 -19 Jun 2025

TAHNIAH dan SYABAS buat Kolej Komuniti Selayang (KKSY) atas Anugerah Khas Kolej Komuniti Terbaik dan pelajar Sijil Rekabentuk Dalaman yang memenangi anugerah Johan & Naib Johan Pertandingan RENTAS Perspektif, dan Naib Johan Pertandingan RENTAS Budaya di Festival PolyCC Design Fest 2025 yang bertemakan "RENTAS" anjuran Politeknik Premier Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah.









Festival ini telah berlangsung pada 16 - 19 Jun 2025 di Jitra, Kedah. Tahniah jua kepada dua (2) orang pensyarah pembimbing Puan Mazlina Salleh dan Puan Norliza Zakaria yang sentiasa memberikan idea dan komitmen yang tinggi di atas usaha dan pencapaian ini.

MSU YOUNG CHEF BATTLEFIELD NEXGEN CHEF EDITION 2025

25 Jun 2025

Lapan (8) pelajar Kolej Komuniti Selayang (KKSY) dari Program Kulinari (Muhammad Haziq Mirza Aris, Nayla Shufia Ali Basyah Abdullah, Ahmad Wafi Rosli dan Muhammad Akmal Abdullah) dan Program Pastri (Nuraisyah Yusrina Hasmawi, Nurnafisah Fakhrulezhar, Wan Nor Zafran Wan Nazri dan Muhammad Daniel Aiman Ahmad) telah menyertai pertandingan di MSU Young Chef Battlefield NexGen Chef Edition 2025 dalam kategori Satay Deconstructed, Black Box & Display Cake Decoration.











Tahniah dan syabas buat pelajar dan pensyarah Program Kulinari dan Program Pastri KKSY yang telah memenangi tempat pertama bagi kategori Satay Deconstructed, tempat ketiga kategori Hot Cooking Black Box dan tempat kedua & ketiga bagi kategori The Art of Sweet "Cake Decoration".

MALAYSIA CULINARY WORLD CUP

27 - 29 Jun 2025

Ustaz Mohammad Tarmizi Balya, Timbalan Pengarah Akademik, Kolej Komuniti Selayang (KKSY) melepaskan flag off kepada 9 orang pelajar dan 4 orang pensyarah ke Malaysia Culinary World Cup bertempat di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak, pada 27 - 29 Jun 2025.



Hadir sama pada sesi flag off ini adalah Puan Noor Azalifah Mohamed, Timbalan Pengarah Pengurusan, pensyarah dan pegawai-pegawai KKSY.







MALAYSIA CULINARY WORLD CUP

27 - 29 Jun 2025

Pertandingan Malaysia Culinary World Cup bertempat di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak. Kolej Komuniti Selayang (KKSY) diwakili oleh 4 orang pensyarah dan 9 orang pelajar.

KKSY telah memenangi pingat perak dan gangsa untuk kategori Char Kuey Teow, Prawn Me / Mee Rebus, 1 Set of Sandwiches, Creative Dessert, Chicken Fried Rice dan Warisan Tradisional Malaysia Cuisine Challenge dalam pertandingan tersebut.









HUMBLE ODYSSEY – MALAYSIA VARSITY ESPORT LEAGUE

28 - 29 Jun 2025





Pasukan Humble Odyssey Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menyertai pertandingan Malaysia Varsity Esport League bertempat di Grand Banquet Hall, Level 6, Residensi Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur.

Acara yang dipertandingkan adalah Playoff MVEL MLBB 205.

Tahniah buat pasukan Humble Odyssey KKSY berjaya ke peringkat suku akhir dan antara pasukan top 8 yang berjaya ke perlawanan suku akhir menentang pasukan UTM.



MY POLYCC SPORTS CARNIVAL 2025

29 Jun - 3 Julai 2025

Pada 29 Jun hingga 3 Julai telah berlangsungnya My PolyCC Sports Carnival 2025. Kejohanan yang menggabungkan atlet dan staf daripada Politeknik dan Kolej Komuniti menjadikan 1 pasukan (PolyCC Negeri) telah berlangsung di Politeknik Kota Bharu, Kelantan. Tiga Atlet Kolej Komuniti Selayang (KKSY) cemerlang di arena tenpin bowling pada kejohanan tersebut dengan meraih pingat emas bagi kategori kumpulan dan pingat gangsa bagi kategori beregu.





Selain cara tenpin boling, KKSY juga telah diberi tanggungjawab sebagai penyelaras bagi pasukan bola jaring Zon Selangor/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). pasukan ini berjaya mara ke peringkat suku akhir, sebelum tewas kepada pasukan dari Kedah dan bagi acara bola sepak, wakil KKSY juga berjaya mara ke suku akhir perlawanan bersama pasukan Zon Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Pihak KKSY amat berterima kasih atas dedikasi semua pegawai dan pemain yang telah memberi sepenuh tenaga dalam menjayakan penyertaan ini. Pengalaman dan semangat yang diperolehi sepanjang kejohanan diharap dapat menjadi pemangkin untuk terus memperkukuh prestasi pasukan di masa akan datang.



LATIHAN INTENSIF POLYCCSKILLS – 3D DGA

16 Julai 2025

Pelajar dan Pensyarah dari Kolej Komuniti Selayang (KKSY), Kolej Komuniti Besut dan Kolej Komuniti Teluk Intan telah menyertai latihan intensif bersama pakar industri pada 15 dan 16 Julai 2025 di Game Lab 1, Kolej Komuniti Selayang. 3 Latihan yang diberikan adalah Concept Art oleh Mr. Mok (Mok Matsuru Studio), 3D Modelling oleh Mr. Erick (MakeWithFriends Studio) dan Texturing & Unwrapping oleh Mr. Banhong (APU).

Program ini mempersiapkan peserta dengan kemahiran sebenar indusri dalam bidang games Art & Design.













PROGRAM GOTONG ROYONG CSR DI DENAI AROMATICA FRIM

20 Julai 2025

Program gotong-royong di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah diadakan di Denai Alam, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong pada 19 Julai 2025. Program ini melibatkan penyertaan daripada pensyarah, kakitangan dan sukarelawan pelajar Kolej Komuniti Selayang (KKSY) dengan objektif untuk memelihara kelestarian alam sekitar serta memupuk semangat kerjasama dan tanggungjawab sosial. Aktiviti utama adalah membersihkan laluan denai dengan mengutip dan mengalihkan batang-batang pokok kayu yang telah ditebas bagi melancarkan laluan denai serta mengelakkan risiko bahaya kepada pengunjung. Kayu-kayu kemudiannya disusun ke dalam lori dan dilupuskan secara terancang agar tidak mencemarkan kawasan.











PERTANDINGAN BATTLE OF PASTRY AND BAKERY CHEFS 2025

18 -20 Julai 2025

Pasukan pelajar Kolej Komuniti Selayang telah berjaya mengharumkan nama institusi dalam Pertandingan Battle of Pastry and Bakery Chefs 2025 yang berlangsung pada 18 - 20 Julai 2025 di Sunshine Central, Pulau Pinang.

Kategori Asia Local Pastries and Bakeries (Individu):
Muhammad Hafiz Bin Mohd Azahari - Pingat Perak
Syed Nazmi Afifi Bin Syed Aziman - Pingat Gangsa
Dhia Adib Bin Nor Azizan - Pingat Gangsa

Kategori Petit Fours or Pralines Formation:
Mohammad Ali Alexander

Syabas kepada semua peserta, dan jurulatih atas komitmen serta pencapaian yang membanggakan. Semoga terus cemerlang dalam bidang kulinari.









POLYCC DIGITAL FAIR EDOLA

26 - 27 Julai 2025

PolyCC Digital Fair eDOLA 2025 telah berlangsung dengan jayanya selama dua hari bermula 26 hingga 27 Julai 2025 bertempat di Setia City Mall, Shah Alam, Selangor. Majlis penutupan telah disempurkan oleh Ybhg. Datuk Dr. Aneese Bin Ibrahim, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi.



Selepas merasmikan majlis penutup, YBhg. Datuk KSU turut meluangkan masa mengunjungi reruai pameran Kolej Komuniti Selayang (KKSY) yang memfokuskan kepada program Games Arts Technology. Pameran ini menampilkan penglibatan aktif para pensyarah dan pelajar dalam mempersembahkan hasil projek serta penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.





PolyCC Digital Fair eDOLA bukan sahaja memupuk inovasi dalam kalangan pendidik dan pelajar, tetapi juga memperkukuh jaringan kerjasana antara institusi, komuniti dan industri. Usaha ini sejajar dengan agenda pendigitalan negara serta aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkasa ekosistem pendidikan yang inklusif, mampan dan berteraskan teknologi.



MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI I 2025/2026

30 Julai - 2 Ogos 2025

Tirai Minggu Transformasi Siswa Sesi I 2025/2026 secara rasminya dilabuhkan hari ini. Sepanjang minggu yang penuh bermakna ini, para pelajar baharu telah diberi pendedahan awal tentang dunia kolej, jalinan ukhuwah, semangat kekitaan dan nilai sahsiah yang membentuk identiti sebagai warga Kolej Komuniti Selayang (KKSY).

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat barisan pengurusan tertinggi kolej, penceramah jemputan, alumni, pensyarah, fasilitator, urusetia, serta rakan-rakan industri yang telah menjayakan minggu ini dengan penuh dedikasi dan semangat kebersamaan.

Tahniah dan syabas buat semua.



MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI I 2025/2026

30 Julai - 2 Ogos 2025













PENDIDIKAN PENGUNDI OLEH SPR NEGERI SELANGOR

2 Ogos 2025

Kolej Komuniti Selayang berbesar hati menerima kehadiran En. Mohd Rizal Bin Abdullah, Timbalan Pengarah, Pilihan Raya Negeri Selangor yang telah menyampaikan perkongsian bertajuk "Pendidikan Pengundi" di Dewan Ibn Sina, Kolej Komuniti Selayang.



Sesi ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang peranan dan tanggungjawab sebagai pengundi, proses pilihan raya yang telus dan berintergriti, dan kepentingan membuat pilihan bijak demi masa depan negara.





Program seperti ini diharap dapat memupuk kesedaran sivik dalam kalangan generasi muda agar mereka bersedi menjadi warganegara yang berinformasi dan bertanggungjawab. Terima kasih kepada SPR Negeri Selangor atas perkongsian ilmu dan sokongan kepada usaha membina masyarakat yang celik demokrasi.



BENGKEL PERSEDIAAN LATIHAN WORK-BASED LEARNING PELAJAR DGA

4 Ogos 2025

Bengkel Persediaan Latihan Work-Based Learning (WBL) telah diadakan melibatkan pelajar Games Art Technology, Kolej Komuniti Selayang (KKSY) yang bakal memulakan latihan industri kelak.



Dalam bengkel ini, pelajar didedahkan dengan maklumat penting berkaitan hasil pembelajaran dan kaedah pentaksiran, penyediaan dokumen akujanji dan surat pelepasan tanggungjawab, serta panduan penyelenggaraan logbook sepanjang tempoh latihan.



Bengkel ini bertujuan memastikan pelajar lebih bersedia dan memahami tanggungjawab mereka sepanjang menjalani latihan WBL di industri sebenar.

SIPPKO 2025

5 Ogos 2025

KKSY menganjurkan SIPPKO 2025. Antara aktiviti termasuk Pertandingan Showcase Projek Pelajar 2025 untuk mengetengahkan produk dan perkhidmatan pelajar yang berpotensi dikomersialkan. Pertandingan ini juga menjadi platform untuk mengiktiraf kreativiti serta menyokong projek inovatif yang berdaya saing.







SIMPOSIUM PENGKOMERSIALAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI PERINGKAT KEBANGSAAN (SIPPKO) 2025

PELAJAR SFP DI PENTAS FESYEN BERTARAF ANTARABANGSA

7 & 9 Ogos 2025

Lima pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian Kolej Komuniti Selayang (KKSY) – Airis, Elyna, Dania, Najihah dan Nurin bersama 3 pensyarah pengiring berpeluang merasai pengalaman eksklusif sebagai Backstage Crew di Kuala Lumpur Fashion Week 2025 yang berlangsung di Mall Esplanade, Suria KLCC pada 7 & 9 Ogos 2025 bersama pereka KITA & CO X CHOCTOP dan ABU.



Pengalaman di sebalik tabir ini memberi pendedahan langsung kepada dunia fesyen profesional bermula daripada koordinasi busana, pengurusan masa, persiapan akhir model, hinggalah saat lampu pentas menyala. Ia memerlukan kreativiti, disiplin, fokus dan kerjasama berpasukan yang tinggi.



Tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang terlibat. Pengalaman ini merupakan peluang pembelajaran di luar bilik kuliah yang berharga, sekaligus membina keyakinan diri, mengasah kemahiran teknikal serta memperluas jaringan profesional dalam industri fesyen.



PESTA MERDEKA @ LEMBAH KERAMAT 2025

9 Ogos 2025

Warga Kolej Komuniti Selayang turun padang memerikan Pesta Merdeka @ Lembah Keramat di Masjid As-Sobirin di Lembah Keramat pada 9 Ogos 2025 bermula jam 8 pagi hingga 2 petang.



Dengan penglibatan 30 pelajar dan 4 pegawai, pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan bagi mengeratkan ukhuwah dan memeriahkan suasana, antaranya:

Gotong-royong Rewang
Sukaneka & Sukan Rakyat
Wayang Pacak
Reruai Pameran dan Jualan.









PEMBENTANGAN KERTAS PENYELIDIKAN PELAJAR DGA

9 -10 Ogos 2025

Pertama kali pelajar Diploma Games Art (DGA) Kolej Komuniti Selayang (KKSY) menyertai persidangan antarabangsa sebagai penulis dan pembentang kursus penyelidikan dalam program International Conference in Education: Technical and Vocational Education and Training pada 9 - 10 ogos 2025 bertempat di The Ship Campus, Pulau Pinang.



Melalui ICIETVET - International Conference in Education: Technical and Vocational Education and Training, sebanyak 10 kertas teknikal hasil karya pelajar DGA Semester 5 telah diterbitkan. Sebanyak 8 pembentangan kertas penyelidikan pula adalah hasil Final Project bagi kursus Games Art Project.



Projek ini dibimbing oleh tiga mentor berpengalaman iaitu Ts. Ummu Hani Yusof, Dr. Siti Zubaidah Ibrahim dan Pn. Syariza Mohamad Samuri. Menariknya pelajar berpeluang membuat pembentangan sebaris dengan para pensyarah, membuktikan kemampuan mereka bersaing di peringkat antarabangsa.



INTERNATIONAL CULTURAL FASHION FESTIVAL: PRECIOUS OF MALAYSIA 2025

17 Ogos 2025

Tahniah kepada 5 pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian, Kolej Komuniti Selayang (KKSY) yang telah berpeluang menyertai pertunjukan fesyen berprestij antarabangsa International Cultural Fashion Festival: Precious of Malaysia 2025 pada 17 Ogos bertempat di Menara Affin TRX, Kuala Lumpur.





Program anjuran FM Group ini menghimpunkan pelbagai bakat fesyen dari IPT tempatan termasuk UiTM Seri Iskandar, UNITAR, UCSi, Kolej Vokasinal Banting dan ESMOD menjadikannya sebuah pentas kolaborasi budaya, kreativiti dan inovasi fesyen.





Kehadiran pelajar KKSY bukan sahaja membuktikan kemampuan mereka menonjol di peringkat antarabangsa, tetapi juga mengangkat nama Kolej Komuniti sebagai pusat melahirkan generasi muda berbakat dalam industri fesyen dan pakaian.

KURSUS PENGENALAN & LATIHAN PERISIAN COOHOM OLEH SMART DECOR – PELAJAR SRD

18 Ogos 2025

Seramai 48 orang pelajar Semester 2 & 3 bersama pensyarah Sijil Rekabentuk Dalaman Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah mengikuti kursus pengenalan perisian pemodelan 3D - Coohom yang dikendalikan oleh tenaga pengajar berpengalaman dari Smart Decor (Coohom Malaysia Sdn Bhd) iaitu Ms. Esther dan Ms. Faye.



Turut hadir mewakili pengurusan Smart Decor ialah Encik Muhammad Azlan Jismani dan Puan Ain. Menariknya, pihak Smart Decor turut menyediakan lesen sementara secara percuma agar pelajar dapat meneroka sepenuhnya fungsi perisian Coohom sepanjang sesi ini.



Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh nilai tambah serta menyesuaikan diri dengan kehendak industri reka bentuk dalaman yang semakin menekankan penggunaan teknologi terkini.



Terima kasih kepada Smart Decor atas kerjasama dan sokongan pada dalaman memperkasa generasi muda dalam industri reka bentuk dalaman

KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI SELANGOR 2025

27 Ogos 2025

Syabas dan tahniah diucapkan kepada graduan Kolej Komuniti Selayang (KKSY) yang telah berjaya menamatkan pengajian dan diraikan dalam Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Selangor 2025.

Setingg-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah KKSY yang sentiasa memberi bimbingan, dorongan serta ilmu sepanjang perjalanan para graduan.

NUR ALEEYA NATASYA yang juga merupakan graduan pelajar pastri KKSY telah dianugerahkan Anugerah Pelajar Cemerlang (Keusahawanan) berikutan kejayaannya dalam dunia perniagaan.

Selamat maju jaya kepada semua graduan KKSY. Semoga kejayaan ini menjadi langkah awal untuk terus cemerlang dalam kerjaya dan kehidupan.







PERTANDINGAN PROJEK ALAM BINA (PRO ALBI)

26 - 28 Ogos 2025

Kolej Komuniti Selayang telah menghantar 6 orang pelajar bersama 2 pensyarah pembimbing, iaitu Pn. Mazlina Salleh dan Pn. Norliza Zakaria, bagi menyertai pertandingan berprestij Projek Alam Bina (PROAlBi) 2025 Peringkat Antarabangsa: "EcoFusion: Warisan Alam & Revolusi Digital" pada 26 - 28 Ogos 2025 bertempat di Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka.



Aktiviti yang disertai adalah pertandingan Poster Terbaik, pertandingan Art Collage dan Student Project Competition 2025. Pencapaian membanggakan buat KKSY adalah:



Gold Award - Student Project Competition 2025
Johan - Pertandingan Art Collage 2025
Anugerah Poster Terbaik
Bronza Award - Student Project Competition 2025



Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta serta pensyarah pembimbing atas pencapaian ini. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada warga kolej komuniti untuk terus melakar kecemerlangan di peringkat yang lebih tinggi.

PANTOMIM KENEGARAAN MALAYSIA MADANI

29 Ogos 2025

Seramai 7 orang pelajar Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menyertai pertandingan Pantomim Kenegaraan Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni Zon Tengah pada 29 Ogos 2025 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Tahniah diucapkan kepada kumpulan pelajar KKSY yang berjaya menampilkan persembahan berimpak tinggi, sarat dengan mesej patriotisme dan semangat cintakan negara.







PERTANDINGAN INOVASI KARNIVAL HARTA INTELEK & POLYCCSKILSS 2025

8 - 10 September 2025

Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah mengambil bahagian dalam beberapa pertandingan seperti Pertandingan Inovasi Karnival Harta Intelek POLYCC 2025 Peringkat Akhir pada 9-10 Semptember 2025 di Politeknik Sultan Idris Shah. KKSY diwakili Team Voltraz dengan produk E-Pasar Karat: A Heritage Digital Game melalui pembentangan oleh Muhammad Fariz Haiqal dari Diploma Games Art Technology (DGA).





Selain itu, tidak ketinggalan Muhammad Adam Aiman dari Sijil Operasi Perhotelan mewakili KKSY dalam bidang Restaurant Service di Kolej Komuniti Sungai Petani, Kedah.



Pertandingan POLYCCSkills Bidang Patisserie yang berlangsung pada 8 - 10 September 2025 di Kolej Komuniti Baling, KKSY turut menghantar pelajar untuk menggalas cabaran.

Lima orang pelajar DGA turut mengambil bahagian dalam POLYCCSkills kategori lain bagi pertandingan inovasi di Kolej Komuniti Kulim, Kedah.



Semoga semua penyertaan in i menjadi wadah terbaik untuk menimba pengalaman, mengasah kemahiran serta meraih pencapaian cemerlang.

SEMARAK JIWA MERDEKA 2025 'MEMARTABATKAN BAHASA KEBANGSAAN'

10 September 2025

Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menganjurkan program Semarak Jiwa Merdeka sebagai satu inisiatif untuk memberi peluang kepada pelajar mengukuhkan penguasaan dan kecintaan terhadap bahasa kebangsaan.







Pertandingan ini merangkumi pertandingan yang melibatkan kategori syair/sajak, berbalas pantun, nyanyian patriotik, nasyid, pengacara/wartawan/pembaca berita dan pidato/syarahan. Pertandingan ini bukan sahaja memperkukuh kemahiran bahasa, malah telah membina keyakinan diri dan menyemai rasa bangga terhadap bahasa kebangsaan.

Pertandingan ini disertai seramai 29 pelajar daripada setiap wakil program/sijil di KKSY. Pelajar menunjukkan bakat masing-masing dalam persembahan kategori yang dipilih. Tahniah diucapkan!





POTRET PERWIRA 2025 'NEGARAKU PAHLAWANKU'

10 September 2025





Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menganjurkan program Potret Perwira sebagai satu inisiatif untuk memberi peluang kepada pelajar menunjukkan bakat seni lukisan mereka dalam melukis potret wira tanah air kita.

Pertandingan ini dapat memperkasakan jati diri serta medium penghayatan kepada pelajar terhadap nilai perjuangan dan pengorbanan tokoh negara yang menjadi asas kepada kebebasan dan kemakmuran yang dikecapi kini.

Pertandingan ini disertai seramai 16 pelajar daripada setiap wakil program/sijil di KKSY. Syabas diucapkan kepada semua peserta!













HARTA KARUN MERDEKA 2025

10 September 2025







Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menganjurkan pertandingan eksplorasi yang merangkumi cabaran fizikal, teka teki dan juga pengetahuan sejarah sempena menyambut kemerdekaan.

Seramai 78 peserta (10 kumpulan) telah mendaftarkan diri dan berpeluang untuk meningkatkan pengetahuan tentang sejarah negara dengan cara yang interaktif dan menyeronokkan, sambil menggalakkan aktiviti fizikal yang menyihatkan. Syabas diucapkan atas penglibatan peserta!



MONUMEN MERDEKA 2025

10 September 2025

Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menganjurkan pertandingan monumen merdeka. Pertandingan ini diwakili oleh setiap program dan merupakan penyertaan daripada pensyarah dan pelajar. Ini membuktikan kerjasama yang semangat yang jitu ditonjolkan bagi menghayati dan meningkatkan kecintaan kepada negara Malaysia sempena Merdeka! Syabas diucapkan atas penglibatan peserta!











POLYCCSKILLS 2025: POLIMAS

11 September 2025

Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah mencipta kejayaan membanggakan apabila meraih 3 pingat (Emas, Perak dan Gangsa) dalam kategori 3D Digital Game Art pada pertandingan POLYCCSkills 2025 yang berlangsung di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah.



Pencapaian ini menyerlahkan keupayaan pelajar KKSY dalam bidang teknologi kreatif digital serta memperkukuh kedudukan institusi sebagai peneraju pendidikan dan latihan kemahiran di peringkat kolej komuniti.



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada para pelajar dan tenaga pengajar Games Art Technology (DGA) KKSY yang telah menunjukkan dedikasi serta komitmen tinggi sehingga melakar kejayaan ini.



Semoga pencapaian in imenjadi inspirasi untuk terus meningkatkan mutu pendidikan, melahirkan graduan berdaya saing, dan mengekalkan kecemerlangan KKSY di masa hadapan.

PERTANDINGAN KESUMA KEBAYA @ FESTIVAL BUDAYA MALAYSIA 2025

15 September 2025

Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menyertai Pertandingan Kesuma Kebaya sempena Festival Budaya Malaysia 2025 anjuran MOTAC pada 15 September 2025 di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur. Enam pelajar Semester 3 Sijil Fesyen & Pakaian dengan bimbingan empat pensyarah telah mempertaruhkan tiga rekaan kebaya kontemporari iaitu Aurora Raya, Cempaka Sari dan Mahsuri.







Tahniah kepada pasukan rekaan Mahsuri yang meraih tempat kedua dengan hadiah wang tunai RM1,000 manakala rekaan Aurora Raya dan Cempaka Sari turut menerima hadiah saguhati. Pencapaian ini membuktikan bakat serta kreativiti pelajar KKSY terus menyerlah di pentas nasional.

SEMBANG SANTAI @ PNM 2025 BERSAMA AMIN OTHMAN DAN ABID OTHMAN

20 September 2025

Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah mengambil bahagian dalam Majlis Perasmian dan Sembang Santai @ PNM 2025 bersama pempengaruh terkenal, Amin Othman dan Abid Othman yang diadakan pada 20 September 2025 di Aras 10, Menara PNM, Kuala Lumpur. Seramai 18 orang pelajar dan pegawai terlibat dalam program ini yang menampilkan sesi perkongsian bertajuk “Minat to Money”, di samping pameran serta gerai niaga yang memberi pendedahan berkaitan peluang menjana pendapatan.

Program ini berjaya membuka minda peserta mengenai cara memanfaatkan minat dan kepakaran untuk menjana pendapat melalui platform digital khususnya TikTok. Selain memberi motivasi, sesi ini turut mendorong pelajar untuk mengasah potensi diri dan melihat peluang keusahawanan baharu dan relevan dengan arus perkembangan semasa.







HARI KESIHATAN PERGIGIAN@KKSY

24 September 2025

Telah berlangsung Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti Selayang (KKSY) khusus untuk para pelajar KKSY bermula jam 9.30 pagi hingga 3.00 petang. Program ini mendapat kerjasama daripada Klinik Kesihatan Daerah Gombak yang hadir bagi memberikan pemeriksaan serta khidmat nasihat kesihatan pergigian kepada pelajar secara percuma.



Pihak KKSY merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Klinik Kesihatan Daerah Gombak atas sokongan penganjuran program ini, serta kepada semua pelajar yang telah mengambil bahagian dengan penuh komitmen.



Semoga penganjuran ini dapat meningkatkan kesedaran mengenari kepentingan penjagaan kesihatan gigi dan mulut dalam kalangan pelajar





PERTANDINGAN INOVASI IFAMB@SEN2025

22 - 24 September 2025

Tahniah kepada pasukan inovasi Kolej Komuniti Selayang yang berjaya meraih Pingat Emas serta Best Innovation Award menerusi produk Spinato Chip dalam Pertandingan Inovasi iFAMB@SEN2025 yang berlangsung di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan pada 22 - 24 September 2025.



Kejayaan ini adalah hasil bimbingan mentor, En. Mohd Khaidir bin Che Hassan bersama pelajar Rusyaidi Syahir Rosli, Muhammad Irsyad Syahmi Mohd Hisam dan Mohamad Aiman Zakhwan Esa.



Pihak kolej merakamkan penghargaan dan terima kasih atas usaha gigih, komitmen serta dedikasi semua yang terlibat sehingga mengharumkan nama Kolej Komuniti Selayang di peringkat antarabangsa.

CULINAIRE MALAYSIA 2025 @ KLCC

23 - 26 September 2025





Tahniah dan syabas diucapkan kepada Team SKU Kolej Komuniti Selayang (KKSY) atas pencapain membanggakan Ahmad Wafi bin Rosli yang meraih pingat gangsa bagi kategori Apprentice Fish Main Course dan Nur Aina Qistina Mohd Anafizi bagi pingat Diploma untuk kategori Dress The Cake dalam Culinaire 2025 yang berlangsung pada 23 - 26 September 2025 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Sekalung penghargaan dan terima kasih buat semua pihak yang telah memberikan sokongan, bimbingan serta usaha berterusan hingga tercapainya kejayaan ini.



PROGRAM AMAL CSR: TITIAN KASIH PSH MADANI

25 September 2025







Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah melaksanakan Program Amal CSR: Titian Kasih PSH MADANI dengan mengadakan kunjungan ke Rumah Amal Cheshire Selangor. Program ini disertai oleh delegasi KKSY yang diketuai oleh Pengarah, Haji Ahmad Rizal bin Omar, sebagai manifestasi keprihatinan warga kolej dalam menyantuni masyarakat serta mengukuhkan nilai kesukarelawanan.

Program ini turut memberi peluang kepada warga KKSY untuk mendekati komuniti setempat, selain menyemai budaya prihatin dan empati dalam kalangan pelajar serta staf. Semoga inisiatif murni ini dapat terus menjadi platform berterusan dalam menyumbang bakti kepada masyarakat serta memperkukuh semangat kebersamaan selaras dengan asprirasi MADANI.



KETIKA CINTA BERTASBIH

19-22 September 2025









Program Ketika Cinta Bertasbih Peringkat Kebangsaan telah berlangsung pada 19 hingga 22 September 2025 bertempat di Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam. Kolej Komuniti Selayang telah menghantar dua orang pelajar Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi (PRISS), iaitu Qaisara Jasmin dan Nur Azriena. Sepanjang program, para peserta telah mengikuti pelbagai aktiviti seperti slot inspirasi, latihan dalam kumpulan, slot pengukuhan serta larian 'Stop Saying Yes'.

Tahniah diucapkan kepada Nur Azriena yang terpilih sebagai penghuluwati sepanjang program ini. Program ini secara keseluruhannya memberi pendedahan penting selaras dengan kluster utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, yang menekankan pengukuhan kualiti pendidikan dan pembangunan sahsiah pelajar demi membentuk generasi berdaya saing serta mencorak masa depan negara.



INSPIREX PROGRAM POLYCC PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

25-27 September 2025











Kolej Komuniti Selayang telah diwakili Muhammad Arif Aiman bin Ahmad, Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi (PRISS) ke program Inspirex Program POLYCC Peringkat Kebangsaan 2025 yang berlangsung pada 25 hingga 27 September 2025 bertempat di Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam. Program ini menekankan aktiviti pembangunan sahsiah, termasuk kemahiran komunikasi, pengukuhan kepimpinan, semangat patriotisme, serta slot refleksi dan muhasabah diri.

Penyertaan ini memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kualiti kepimpinan dan membina jati diri yang lebih mantap selaras dengan aspirasi pendidikan negara. Kolej merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat serta berharap ilmu dan pengalaman yang diperoleh dapat dimanfaatkan dalam menyumbang kepada kecemerlangan diri, institusi dan masa depan negara.

KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN IBU PEJABAT BKP, JPPKK 2025

29-30 September 2025









Program penyediaan dan pembungkusan cenderamata untuk peserta serta VIP bagi Kursus Pengurusan Perolehan Ibu Pejabat BKP, JPPKK 2025 telah dilaksanakan oleh team SKUBites (SKU) Kolej Komuniti Selayang pada 29 September 2025 bertempat di Bilik Keusahawanan (CEDEV). Aktiviti ini dilaksanakan dengan penuh teliti bagi memastikan setiap cenderamata disediakan dalam keadaan terbaik dan menepati standard kualiti.

Penyerahan rasmi cenderamata telah dilakukan pada 30 September 2025 kepada pihak BKP, JPPKK sebagai melambangkan komitmen dan kerjasama erat seluruh pasukan dalam menyokong kelancaran kursus berkenaan. Semoga usaha ini dapat memberikan nilai tambah kepada pengalaman peserta serta tetamu kehormat sepanjang program berlangsung.



PERTANDINGAN BAKAT : PSA X FACTOR 2025

03 Oktober 2024





Kolej Komuniti Selayang telah menghantar dua orang pelajar, Nur Alya Athirah binti Johaizan Nazril (SRD 1A) dan Nurul Safikah Shahirah binti Sahir (SFP 3A), bagi menyertai Pertandingan Bakat PSA X Factor 2025 yang berlangsung di Dewan Al-Jazari, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 3 Oktober 2025. Pertandingan ini menjadi platform untuk mengetengahkan bakat dan potensi pelajar dalam pelbagai bidang seni serta persembahan kreatif.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada kedua-dua pelajar atas keberanian, komitmen serta kesungguhan yang ditunjukkan sepanjang pertandingan. Walaupun penyertaan ini merupakan pengalaman pengalaman baharu buat mereka, semangat dan usaha gigih yang ditonjolkan amat membanggakan. KKSY turut melakar kejayaan apabila diumumkan sebagai penerima Anugerah Busana Terbaik pada malam tersebut.



HIMPUNAN MALAYSIAKU BERSAMA PALESTIN

08 Oktober 2025







Seramai 24 orang pelajar Kolej Komuniti Selayang (KKSY) bersama pengiring, Cik Ida Erina binti Zulfikly, turut menunjukkan solidariti dan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin melalui penyertaan dalam Program Himpunan Malaysiaku Bersama Palestin yang telah diadakan di Axiata Arena, Bukit Jalil pada 8 Oktober 2025.

Penyertaan ini mencerminkan semangat keprihatinan dan nilai kemanusiaan tinggi dalam diri warga KKSY terhadap isu sejagat, khususnya dalam menyokong keamanan dan keadilan untuk rakyat Palestin.



KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS

08 Oktober 2025









Pelajar Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah berjaya menamatkan Program Asas Pertolongan Cemas di bawah Kursus SOP10263 Hotel Resort Recreation yang dijalankan di Kolej Komuniti Selayang. Program ini memberi pendedahan teori dan amali berkaitan asas pertolongan cemas kepada pelajar Program Sijil Operasi Perhotelan, sekali gus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas dalam menghadapi situasi kecemasan.

Perkongsian ilmu disampaikan oleh Puan Maslina binti Abd Rahim, pensyarah dari Kolej Komuniti Hulu Selangor yang turut dijemput sebagai External Examiner (EE). Sesi ini turut menjadi sebahagian daripada persediaan awal penyediaan Laporan EE bagi kursus SOP10263 menjelang audit MQA akan datang.

Tahniah diucapkan kepada semua pelajar SOP3 yang turut terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan program ini bagi memenuhi keperluan Kursus SOP30193 – MICE. Semoga pengalaman ini menjadi nilai tambah dalam pembelajaran dan kerjaya akan datang.



SUMBANGAN OVEN ZUS COFFEE : PERKASA TVET KULINARI

09 Oktober 2025



Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah melaksanakan Program Amal CSR: Titian Kasih PSH MADANI dengan mengadakan kunjungan ke Rumah Amal Cheshire Selangor. Program ini disertai oleh delegasi KKSY yang diketuai oleh Pengarah, Haji Ahmad Rizal bin Omar, sebagai manifestasi keprihatinan warga kolej dalam menyantuni masyarakat serta mengukuhkan nilai kesukarelawanan.



Program ini turut memberi peluang kepada warga KKSY untuk mendekati komuniti setempat, selain menyemai budaya prihatin dan empati dalam kalangan pelajar serta staf. Semoga inisiatif murni ini dapat terus menjadi platform berterusan dalam menyumbang bakti kepada masyarakat serta memperkukuh semangat kebersamaan selaras dengan asprirasi MADANI.



KURSUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT FOR HOTELIER

09 Oktober 2025











Pelajar Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah selesai dan berjaya mengikuti Program Fine Dining Etiquette 101 di bawah Kursus SOP30023 Professional Development for Hotelier bertempat di Politeknik METrO Kuala Lumpur. Program ini memberi peluang kepada para pelajar untuk merasai sendiri suasana fine dining sebenar dalam suasana pembelajaran yang eksklusif dan profesional.

Melalui aktiviti ini, pelajar turut mengaplikasikan amali dining etiquette dan eating styles sebagaimana yang dipelajari dalam Topik 3 kursus tersebut. Diharapkan pendedahan ini dapat memperkukuh kemahiran etika profesional pelajar sebagai persediaan menghadapi dunia hospitaliti sebenar.



GAMESEXPERT 2025 DGA

10 Oktober 2025









Pelajar Diploma in Games Art Technology (DGA) telah mengikuti 3D Texturing Workshop bersama trainer, En. Brian Chin Wei Jian pada 10 Oktober 2025. Sesi ini merupakan sebahagian daripada Industry Expert Enrichment Program di bawah Games Expert 2025, khusus untuk pelajar Semester 3 (Advanced Texturing) bagi memperkukuh kemahiran dalam penghasilan tekstur 3D mengikut piawaian industri sebenar.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada En. Brian Chin atas perkongsian ilmu serta pengalaman industri yang amat bernilai. Ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan sesi pertama program ini.





PERLAWANAN FUTSAL SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2025

11 Oktober 2025



Bersempena sambutan Hari Sukan Negara 2025, warga Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menyertai Perlawanan Futsal Sukan KKSY 2025 yang diadakan di Sportizza Setapak pada 11 Oktober 2025.





Seramai 30 orang pelajar dan staf telah terlibat dalam
aktiviti ini yang bertujuan memupuk semangat kesukanan, kerjasama berpasukan serta menggalakkan gaya hidup sihat. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua yang turut menjayakan penyertaan KKSY dalam program ini.



PROGRAM LATIHAN KEUSAHAWANAN

11 - 12 Oktober 2025

Program latihan keusahawanan ini telah melibatkan penyertaan pelajar Inkubator Sijil Rekabentuk Dalaman (SRD) dan Diploma in Games Art Technology (DGA) yang telah berlangsung pada 11 hingga 12 Oktober 2025 (Sabtu & Ahad) bertempat di Bengkel Pembuatan Model, Kolej Komuniti Selayang.

Sesi bimbingan dikendalikan oleh mentor berpengalaman iaitu Pn. Alimatuzakiah Bokhari, Pn. Hazura dan En. Amir. Seramai 20 orang pelajar Inkubator telah terlibat dalam program ini bagi memperkukuh kemahiran dalam penghasilan produk cenderamata menggunakan teknologi Laser Engraving.

Sebagai penghargaan, Unit Keusahawanan telah menyampaikan Anugerah Khas Inkubator kepada pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelbagai kategori:

1. Anugerah Inkubator Komited & Berdedikasi (DGA) – Nur Haniffatun Izzah
2. Anugerah Inkubator Rekabentuk Terbaik (DGA) – Syamil Hussaini
3. Anugerah Inkubator Komited & Berdedikasi (SRD) – Nur Hadirah Syafiqah
4. Anugerah Inkubator Rekabentuk Terbaik (SRD) – Harith Hazim

Tahniah kepada semua penerima anugerah dan peserta atas komitmen serta kreativiti yang ditonjolkan sepanjang program ini.







HARI TERBUKA PSIKOLOGI KPT 2025

13 Oktober 2025

Pelajar Inkubator SRD Kolej Komuniti Selayang telah menyertai reruai Hari Terbuka Psikologi KPT 2025 yang berlangsung pada 13 Oktober 2025 (Isnin) bertempat di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.

Penyertaan ini dibimbing oleh mentor, Pn. Alimatuzakiah Bokhari dan Pn. Siti Zaleha, melibatkan dua kumpulan Inkubator SRD. Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka bidang psikologi serta mengembangkan kemahiran insaniah melalui penglibatan aktif dalam aktiviti yang dijalankan.









PERKONGSIAN DAN DEMONSTRASI INDUSTRI PROGRAM PASTRI 2025 & SEMAKAN KURIKULUM

15 Oktober 2025



Program Pastri Kolej Komuniti Selayang telah menganjurkan Perkongsian dan Demonstrasi Industri Program Pastri 2025 serta Sesi Semakan Kurikulum pada 15 Oktober 2025 bertempat di Dewan Pameran. Program ini melibatkan seramai 139 orang pelajar Program Pastri.



Antara pengisian utama ialah sesi perkongsian oleh wakil daripada Management & Science University (MSU) bertajuk "How Much Do I Worth", yang bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang cara mengenal pasti nilai diri, meningkatkan keyakinan serta menonjolkan potensi diri dalam menghadapi dunia pekerjaan.











Pada masa yang sama, sesi semakan kurikulum turut diadakan bersama panel penilai daripada School of Hospitality and Creative Arts, MSU, bagi menilai keberkesanan kurikulum sedia ada serta memastikan kandungan pembelajaran kekal relevan dan selaras dengan kehendak industri semasa.

PROGRAM GEX 2025: INBOUND BUDDIES KEUSAHAWANAN POLYCC–PNB

16 -17 Oktober 2025

International Globalpreneur Exchange Program (GEX) 2025 - Inbound Buddies Keusahawanan PolyCC & Politeknik Negeri Batam telah berlangsung pada 16 dan 17 Oktober 2025 bertempat di Ruang Lobi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Program ini melibatkan penyertaan pelajar Inkubator dari Kolej Komuniti Selayang, 2 orang dari Sijil Operasi Perhotelan, 1 orang dari program Sijil Rekabentuk Dalaman dan 1 orang daripada Diploma in Games Art Technology di bawah bimbingan mentor Pn. Alimatuzakiah dan Pn. Suzianti. Melalui program ini, pelajar berpeluang memupuk semangat keusahawanan global serta memperkukuh jaringan bersama rakan institusi antarabangsa.













Kejayaan turut diraikan apabila pasukan KKSY berjaya menjana jualan keseluruhan sebanyak RM550.00 serta mengharumkan nama kolej dengan pencapaian membanggakan dalam Pertandingan GEX 2025, iaitu Emas (Kategori Business Pitching), Perak (Kategori Business Showcase) dan Gangsa (Kategori Best Sales). Tahniah diucapkan kepada semua peserta dan mentor atas dedikasi serta komitmen yang cemerlang sepanjang program berlangsung.



2025 GOKU INVITATION ESPORTS CHAMPIONSHIP

19 Oktober 2025













Pasukan Humble Odyssey Kolej Komuniti Selayang telah menyertai 2025 GOKU Invitation Esports Championship yang berlangsung pada 19 Oktober 2025 bertempat di Asia Pacific University, Bukit Jalil. Penyertaan seramai 10 orang pelajar dan seorang pegawai pengiring.

Pasukan KKSY telah bertanding dalam kategori Mobile Legend Tournament dan berjaya melangkah ke peringkat akhir. Kehebatan dan semangat berpasukan yang ditunjukkan membuahkan hasil apabila pasukan Humble Odyssey dinobatkan sebagai Naib Johan daripada 36 pasukan yang bertanding, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM600.00. Tahniah diucapkan atas kejayaan yang membanggakan ini!



RANGKUMAN PERDINO 2025

23 Oktober 2025



Pertandingan Inovasi KKSY (PERDINO 2025) telah berlangsung dengan jayanya pada 23 Oktober 2025 sebagai platform menampilkan idea kreatif dan penyelesaian inovatif pelajar serta staf. Bertemakan Kelestarian Sumber dan Penjimatan Tenaga, pertandingan ini berjaya menyemarakkan budaya inovasi dan keusahawanan selaras aspirasi TVET negara.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada semua peserta, pensyarah pembimbing, barisan juri dan warga kerja yang terlibat. Semoga semangat inovasi terus diperkasa dalam melahirkan warga Kolej Komuniti yang kreatif dan berdaya saing.





















BENGKEL DEMOKRASI WATAN TAHAP 2 / 2025

24 - 26 Oktober 2025



Bengkel Demokrasi Watan Tahap 2 telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 18 orang pelajar. Program ini memberi pendedahan melalui aktiviti latihan dalam kumpulan, kesukarelawanan serta peningkatan kesedaran terhadap peranan komuniti.

Sepanjang bengkel, penceramah daripada Team Selangor telah membimbing peseta dalam memahami kaedah pelaksanaan program pemerkasaan bersama komuniti setempat. Program ini turut membuka peluang kepada peserta untuk mendapatkan sokongan sumber bagi penganjuran aktiviti pada masa akan datang.











CARLO RINO UPCYCLE BAG CHALLENGE – WASTE TO WOW POLYCC CREATIVE AWARD 2025

26 Oktober 2025

Tahniah diucapkan kepada kumpulan FLEUR dari Kolej Komuniti Selayang (KKSY) atas kejayaan meraih tempat ke-6 dan menerima saguhati bernilai RM500, trofi serta sijil penyertaan dalam Pertandingan Akhir Carlo Rino Upcycle Bag Challenge - Waste to Wow POLYCC Creative Award 2025 pada 26 - 26 Oktober 2025 bertempat di 168 Park Mall, Selayang.







Pertandingan anjuran Carlo Rino ini menghimpunkan lebih 16 rekaan beg inovatif dari seluruh POLYCC Malaysia, dengan 10 institusi terpilih ke peringkat akhir bagi memperagakan rekaan dalam kategori Urban Minimalist, Heritage Twist, dan Aksesori Pilihan.

KKSY diwakili oleh dua pelajar berbakat Yashela A/P Ravichandran dan Nur Azriena Binti Abd Rahim dari program Sijil Fesyen dan Pakaian di bawah bimbingan Pn. Siti Fatimah Dzulklifi. Syabas dan tahniah kepada pelajar dan pensyarah pembimbing atas kejayaan ini.



LAWATAN PENANDA ARAS KEPIMPINAN & PEMBANGUNAN PELAJAR @ KKMT & PMK 2025 SERTA CSR @ MALAYSIA HERITAGE STUDIO

30 - 31 Oktober 2025

Lawatan Penanda Aras Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar oleh Jawatan Perwakilan Pelajar (JPP) dan PRISS telah dilaksanakan seramai 30 pelajar. Lawatan ini melibatkan kunjungan ke Kolej Komuniti Masjid Tanah dan Politeknik Melaka sebagai platform perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan kepimpinan, organisasi pelajar serta pembangunan sahsiah mereka. Melalui sesi interaktif bersama perwakilan pelajar, peserta berpeluang untuk menimba ilmu, bertukar pandangan dan memperkukuh kefahaman berkaitan kepimpinan yang berkesan.













Selain itu program ini turut diserikan dengan aktiviti khidmat masyarakat di Malaysia Heritage Studio yang menekankan nilai tanggungjawab sosial serta penghargaan terhadap warisan dan budaya Malaysia. Secara keseluruhannya, lawatan ini berjaya memberi impak positif dalam membentuk pemimpin pelajar yang berpengetahuan, berdaya saing dan cakna.

LOTUS CHEF CHALLENGE 2025

3 November 2025

Tahniah Ahmad Wafi Rosli atas kejayaan dalam Lotus Chef Challenge 2025. Beliau berjaya meraih Pingat Emas bagi kategori Fish dan Pingat Perak bagi kategori Poultry, sekali gus membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000.



Pencapaian ini bukan sahaja mengharumkan nama Kolej Komuniti Selayang, malah membuktikan kreativiti dan semangat tinggi dalam bidang kulinari. Terima kasih dan tahniah kepada pensyarah pembimbing En. Zafarul Aswad Abd Talib atas bimbingannya dalam meraih kejayaan ini.



ABILYMPICS KEBANGSAAN 2025

3 November 2025

Pelajar Kolej Komuniti Selayang, Nurin Atiqah Hariri mencipta kejayaan membanggakan apabila berjaya meraih tempat ke-2 dalam Pertandingan Abilympics Peringkat Kebangsaan 2025 (Kategori Sulaman). Kejayaan ini turut melayakkan beliau untuk menyertai latihan persediaan bagi Pertandingan Abilympics Peringkat Antarabangsa di Finland tahun 2027.









Syabas juga kepada rakan peserta Nur Amalina Batrisyia binti Faizal Shah serta pensyarah pembimbing Puan Norhassimah binti Musa dan Puan Nursyuhada binti Othman atas bimbingan dan sokongan padu.



FESTIVAL OF IDEAS, PUTRAJAYA 2025

5 - 7 November 2025

Festival of Ideas yang berlangsung pada 5 hingga 7 November telah berjaya dianjurkan sebagai platform pendedahan kerjaya dan pembangunan masa depan pelajar. Melalui karnival kerjaya yang diadakan, pelajar memperoleh pelbagai input bermanfaat berkaitan hala tuju selepas tamat pengajian, termasuk peluang kerjaya, keperluan industri semasa serta persediaan awal menghadapi alam pekerjaan.

















Program ini turut dimeriahkan dengan slot perkongsian ringkas yang menampilkan perkongsian berfokus tentang perancangan kerjaya, trend pekerjaan terkini serta peluang yang wujud dalam pelbagai sektor. Secara keseluruhan, Festival of Ideas berjaya membantu pelajar membuat pertimbangan yang lebih jelas dan berinformasi dalam merancang masa depan serta laluan kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan potensi masing-masing.

ZIARAH MESRA KE ASRAMA & RUMAH SEWA PELAJAR

10 November 2025

Pengurusan Tertinggi Kolej Komuniti Selayang telah mengadakan lawatan ke asrama dan rumah sewa pelajar bagi meninjau keadaan tempat tinggal serta kemudahan yang disediakan. Lawatan ini bertujuan memastikan aspek kebajikan, keselamatan dan keselesaan pelajar sentiasa diberi keutamaan serta berada dalam keadaan baik dan terurus.













Selain menilai keperluan penyelenggaraan, lawatan ini juga menjadi platform bagi pihak pengurusan mendapatkan maklum balas terus daripada pelajar berkenaan kemudahan dan persekitaran kediaman mereka. Diharapkan inisiatif ini dapat memperkukuh hubungan antara pihak kolej dan pelajar serta memastikan kesejahteraan warga KKSY terus terpelihara.



LAWATAN RASMI PENYELIDIKAN

12 November 2025













Kolej Komuniti Selayang menzahirkan penghargaan atas kunjungan rasmi Dr. Shi Yi, Ketua Penyelidik dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (UM), bagi membincangkan potensi kolaborasi penyelidikan antarabangsa bertajuk "Enhancing Educational Equity and Engagement through AI-Driven Metaverse Environments (EduSphere)".

Projek ini merupakan usaha kolaboratif strategik antara Universiti Malaya (UM), Queen's University Belfast (UK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kolej Komuniti Selayang (KKSY), dan Soqqle (Singapura). Lawatan ini turut melibatkan tinjauan pengumpulan data di Kolej Komuniti sebagai sebahagian daripada pelaksanaan projek EduSphere, bertujuan memperkukuh pemahaman tentang penggunaan AI dan Metaverse dalam pembelajaran komuniti.

Kolaborasi ini membuka ruang baharu ke arah pendidikan TVET yang berteraskan AI, Metaverse, dan inovasi digital – selaras dengan aspirasi JPPKK dalam memperkukuh literasi digital, penyelidikan terapan, serta pembangunan kapasiti komuniti.

PROGRAM RAKAN MUDA TURUN KAMPUS : KBS @ PSA

18 November 2025

Program Rakan Muda Turun Kampus anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia membuka ruang dialog secara langsung antara belia di institusi pengajian tinggi dengan kepimpinan KBS, termasuk YB Hannah Yeoh. Program ini menjadi platform penting untuk membincangkan isu pembangunan belia dan sukan serta menyampaikan aspirasi Malaysia MADANI, dengan pelaksanaan siri jelajah kampus sepanjang tahun 2025, termasuk di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).













BENGKEL ENGAGEMENT WBL GITC BERSAMA MTUN, POLYCC & PERKESO

20 November 2025







Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menyertai Bengkel Engagement Work-Based Learning (WBL) anjuran GITC bersama MTUN, PolyCC dan PERKESO bagi memperkukuh kolaborasi TVET–industri. Bengkel ini memberi pendedahan mengenai peluang penempatan industri, skim perlindungan sosial PERKESO serta perkongsian ilmu melalui Council of Experts (CoExp).

Pengisian utama merangkumi pembentangan peranan GITC, pelaksanaan WBL di KKSY, taklimat PERKESO dan sesi bimbingan CoExp. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah Akademik, Pensyarah DGA, Pegawai Perhubungan Industri & Alumni, 30 wakil industri dan 40 pelajar DGA Semester 1 dan 3.

Penyertaan ini mencerminkan komitmen KKSY dalam memantapkan ekosistem TVET dan menyediakan laluan pembelajaran yang lebih holistik kepada pelajar.





FORUM ANTARABANGSA SELANGOR (SIBF 2025)

29 November 2025

Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menyertai Forum Antarabangsa Selangor yang dianjurkan oleh Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) sempena Pesta Buku Antarabangsa 2025.

Forum ini dipengerusikan oleh Dato' Ahmad Redza Ahmad Khairuddun dan panel ialah tokoh industri buku iaitu Cik Marwa Al Aqroubi (UAE), En Fred Minn (Korea), En Zhang MingZhou (Beijing) dan En Chen Bin (China).

Forum ini menghimpunkan pemimpin dan pemegang taruh industri buku dari seluruh dunia bagi membincangkan pembangunan literasi global, penerbitan rentas budaya serta hala tuju masa depan industri buku dalam ekosistem pendidikan moden. Semoga pelajar terinspirasi dengan tokoh yang hadir!







PELAJAR KKSY PRIHATIN: TURUN PADANG DEMI KEMANUSIAAN

1 Disember 2025

Tujuh orang pelajar PISPA Kolej Komuniti Selayang telah terpilih menyertai Misi Bantuan Banjir Angkatan Pertahanan Awam Selangor dari 29 November hingga 2 Disember. Mereka melangkah pergi bukan sekadar membawa identiti pelajar, tetapi membawa bersama jiwa yang ikhlas dan hati yang sanggup berkorban demi saudara yang sedang diuji. Dalam hujan, lumpur dan keletihan, mereka berdiri sebagai harapan kecil yang begitu bermakna buat insan yang kehilangan segalanya.







Di saat sebahagian daripada kita menikmati dan bersama keluarga, mereka memilih untuk berada di barisan hadapan sedia menghulur bantuan dengan penuh keikhlasan kepada mereka yang diuji, dan meringankan beban sesama insan. Semoga setiap langkah para sukarelawan ini menjadi saksi keberanian dan pengorbanan, serta setiap titisan keringat menjadi doa agar yang diuji terus tabah, dan yang berbakti sentiasa berada dalam lindungan-Nya.



CABARAN EKSPLORASI SELAYANG 2025

6 Disember 2025

Cabaran Eksplorasi Selayang 2025 merupakan satu program berbentuk explorace yang dianjurkan bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti sihat, mencabar dan berunsur pembelajaran luar. Program ini melibatkan penyertaan secara berkumpulan di mana peserta perlu menjelajah beberapa lokasi sekitar Selayang sambil menyelesaikan tuagsan dan cabaran di setiap 'checkpoint'.









Program ini diwakili 4 orang pelajar KKSY iaitu Qaisara Jasmin, Muhd Asmanizam Luqman, Muhammad Faeez Izzuan dan Syez Nazmi Afifi. Secara keseluruhannya, Cabaran Eksplorasi Selayang 2025 berjaya mencapai objektifnya dalam membentuk semangat kerjasama, meningkatkan kesedaran terhadap gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan komuniti melalui aktiviti yang menyeronokkan dan berfaedah.



RANCAKKAN MADANI BERSAMA MALAYSIAKU DATARAN PUTRAJAYA

5 - 7 Disember 2025

Warga Kolej Komuniti Selayang (KKSY) telah menyertai Program Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam Tahun 2025 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang berlangsung pada 5 hingga 7 Disember 2025 di Dataran Putrajaya. Penglibatan ini mencerminkan komitmen KKSY dalam menyokong agenda MADANI serta memperkukuh kefahaman terhadap reformasi perkhidmatan awam di peringkat nasional, selaras dengan aspirasi pendidikan TVET negara.











A: API & AIS

API

WALAU KECIL, IA MAMPU MEREBAK, MEMBAKAR &MEMUSNAH APA YANG ADA

API - SUKAR DIPADAM, WALAU TELAH DIPADAM, IA TETAP MENINGGALKAN HANGAT BARANYA. WALAU HANGAT BARANYA MENGHILANG, IA TETAP MENINGGALKAN BEKAS HITAM TEMPAT BAKARNYA

AIS

WALAU KECIL, IA PUNYA KEDINGINAN TERSENDIRI

ANDAI DILETAK DI DALAM BARA, IA MAMPU MENYEJUKKAN, MENURUNKAN HANGAT BARA TERSEBUT

AIS - TERUS MENCAIR DAN MENGALIR. TIADA BEKAS DITINGGAL, CUMA KESAN DINGIN YANG TERUS KEKAL.

Api & Ais

lumrah dalam kehidupan, imbangi ia untuk kesejahteraan

H: HAK & HAD

Dalam hidup kita punya HAK,
Dalam hidup kita juga punya HAD,

Jangan terlalu mengangkat HAK
hingga kita lupa
pada batas HAD yang kita ada.

Jangan pula terlalu merendahkan HAD
hingga HAK kita dirampas.

gunakanlah sebaiknya:
HAK BERPAKSI HAD

Insan Bernama Pendidik

BENAR KATA PUJANGGA
PENDIDIK ITU TERLALU ISTIMEWA
PENYEJUK DALAM BARA
PENYALA DALAM SURAM
PENDAMAI DALAM RESAH
PENDIDIK DARI PELBAGAI ARAH
DALAM DIDIKANNYA TERSELINDUNG HIKMAH
DALAM TEGURANNYA TERPAHAT KEBENARAN
DALAM MARAHNYA TERSELIT NASIHAT
DALAM PERMINTAANNYA TERSEMAI ASUHAN
DAN DALAM KETEGASANNYA
TERHIMPUN INTIPATI KASIH YANG MENDALAM

SEGALANYA BERAKAR PADA SATU TUJUAN
MENDIDIK INSAN, MEMBINA DIRI
ANDAI TERJATUH, JANGAN TERUS MENGHIBA
ANDAI REBAH, JANGAN TERUS MERATAP
ANDAI TERSUNGKUR, JANGAN TERUS PUTUS KUDRAT
BANGKITLAH — DAN TERUS BANGKIT
KERANA DI HADAPAN SANA
ADA NUR YANG MENUNGGU
PESANAN KERAMAT YANG TERUS DIULANG TANPA JEMU
TERUS NYALAKAN SEMANGAT YANG JITU
LANGKAHKAN DENGAN KEYAKINAN YANG PADU
ITULAH KOMPAS UNTUK MENTERJEMAH ADICITA YANG KITA MAHU.

Tim Penerbitan



Haji Ahmad Rizal bin Omar
Penasihat



Noor Azalifah binti Mohamed
Timbalan Penasihat 1



Mohamad Tarmizi bin Balya
Timbalan Penasihat 2



Hazariah binti Karsahid
Penyelaras/Editor / Penulis



Afiqah Zahirah binti Zaizul Imran
Penyelaras/Editor / Penulis



Ida Erina binti Zulkifly
Penyelaras/Editor / Penulis



Haryati binti Baharuddin
Penyelaras/Editor / Penulis



Malathi a/p Palanisamy
Penulis



Arman bin Hashim
Penulis



Fadil bin Awaludin
Penulis



Ayob bin Hassan
Penulis



Zalina binti Mohd Aris
Penulis



Mohd. Rostam bin Mihamian
Penulis

Selembar Ungkapan Sekalung Penghargaan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua atas usaha, masa dan idea yang dicurahkan dalam merealisasikan SINERGI KKSY dari UAPP Edisi 2025. Semoga platform ini terus menjadi wadah penghasilan karya, perkongsian ilmu, serta koleksi perjalanan dan aktiviti pelajar yang dapat kita banggakan bersama.



SINERGI KKSY dari UAPP

EDISI 2025

SINERGI KKSY dari UAPP
Melakar Cerita, Menjulang Potensi
@ Kolej Komuniti Selayang
Edisi 2025

Hak Cipta Terpelihara, tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, illustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh :
KOLEJ KOMUNITI SELAYANG
Jalan Ipoh, KM16, Persiaran Pegawai, 68100 Batu Caves, Selangor.
Tel : 03-61368200
Faks: 03-61207200
Email : admin@kkselayang.edu.my

KOLEJ KOMUNITI SELAYANG

Kolej Komuniti Selayang
Jalan Ipoh, KM16, Persiaran Pegawai
68100 Batu Caves, Selangor

KOD JALUR / BARCODE

eISSN 3122-7236